

07/09/1997

Lagi projek mega ditangguh (HL)

KUALA LUMPUR: Beberapa lagi projek mega yang membabitkan import barangan modal dan perantaraan termasuk yang belum diumumkan, akan ditangguhkan sehingga kejatuhan nilai ringgit pulih, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara projek itu ialah pembinaan infrastruktur seperti pembesaran jalan raya, lebuhraya, pembinaan hospital dan pembelian peralatan perubatan dari luar negara.

Perdana Menteri berkata, keutamaan akan hanya diberikan kepada projek mega yang menggunakan barangan modal, seperti traktor dan jentera berat keluaran tempatan, manakala komponen import digunakan pada tahap minimum.

"Matlamat kita ialah menggunakan barangan tempatan 100 peratus. Jika tidak boleh, sehingga 99 peratus," kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas perhimpunan agung Umno ditangguhkan, petang semalam.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan projek Empangan Hidroelektrik Bakun berharga RM13.6 bilion di Sarawak, Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara dan KL Linear City ditangguhkan kerana kosnya menjadi mahal ekoran kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang utama lain.

Sebagai langkah susulan, Kabinet Rabu lalu membuat keputusan supaya setiap permohonan import barangan modal dan perantaraan mesti dirujuk kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) terlebih dulu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menjelaskan, kajian semula terhadap cadangan projek mega dilakukan kerana kerajaan belum berpuas hati dengan tahap penggunaan barangan tempatan.

"Sebab itu saya meminta ia dikaji. Misalnya, setiap kali ada projek, masing-masing kata kena import traktor dan jentera penggali. Sekarang kita hendak mengurangkan kepada tahap minimum import barangan ini. Gunakan keluaran tempatan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, projek bandar pentadbiran baru Putrajaya di Sepang tidak terbabit dalam kajian itu kerana pembangunannya dirancang untuk dilaksanakan dalam jangka panjang.

Mengenai pertemuan beliau dengan beberapa pelabur institusi tengah hari semalam, Dr Mahathir berkata, ia bertujuan menjelaskan beberapa kekeliruan yang timbul daripada kenyataannya yang dilaporkan media sebelum ini.

Menurutnya, pengurus dana berkenaan adalah pelabur tulen yang berpendapat media tidak melaporkan dengan tepat langkah kerajaan menarik balik langkah jangka pendek untuk membendung manipulasi pasaran saham.

"Menurut mereka, media menggambarkan seolah-olah saya berbalik daripada keputusan asal. Sebenarnya tidak. Saya jelaskan bahawa kita tidak bersetuju dengan kegiatan jualan singkat, misalnya menggunakan skrip dipinjam dari bank atau jaminan bank untuk mengurus niaga saham," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, pelabur berkenaan sudah kembali menyertai pasaran dan sebagai pelabur tulen mereka tidak mahu melihat kelemahan pasaran, yang turut merugikan, berterusan.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa dukacita terhadap kematian Mother Theresa dan berpendapat beliau adalah contoh pekerja kebajikan yang ulung.

"Saya harap ia menjadi contoh kepada orang lain, pekerja kebajikan dan philanthropist, iaitu orang yang suka menderma. Mereka patut meniru kerja Mother Theresa, membuat kerja kebaikan bukan menyusahkan orang," katanya, yang disifatkan sebagai merujuk kepada George Soros.

(END)